

Yakin pulang membawa emas



Berlatih gigih bayangkan semangat untuk penuh matlamat 20 AUG 1989

Berita Minggu

SEMANGAT kental untuk berjuang itu tidak dapat diukur.

Rasa yakin juga tidak dapat dijenguk.

Bagaimanapun, keyakinan para pesilat Singapura untuk membawa pulang pingat emas dari Sukan SEA Ke-15 di Kuala Lumpur dapat ditinjau melalui kegigihan mereka ketika berlatih.

"Kami yakin para pesilat kami akan dapat mempersembahkan kelakonan yang terbaik di Kuala Lumpur nanti," kata Mohamed Khamin Said, jurulatih pasukan Singapura.

Khamin mengakui, memang tidak ada kayu pengukur yang dapat menilai taraf persembahan anak buahnya itu malah beliau mengakui tidak ada geraf bagi mencatat kemampuan mereka.

"Bagaimanapun, daripada semangat kegigihan yang telah ditunjukkan oleh mereka ketika berlatih, ia cukup menggambarkan betapa kuatnya keinginan mereka untuk menunjukkan kecemerlangan di sana," terang Khamin lagi.

Beliau tidak berselindung menyatakan harapan Singapura bergantung ke atas pundak keperwiraan pesilat Abdul Malek Ahmad, Mohamed Riduan Ahmad dan pesilat wanitanya,



• BERLATIH TERUS BERLATIH... Tanpa jemu dan tidak mengenal erti penat, pesilat-pesilat menajamkan langkah.

Badariah Mohamed Hosni.

Kejayaan Malek memungut pingat emas tunggal Republik di Kejohanan Pencak Silat Undangan yang berlangsung di

Dewan Sukan Bedok setahun lalu, masih tetap menjadi pegangan kuat mereka.

Malek, berusia 22 tahun, disifatkan mempunyai keutuhan

untuk bersaing dengan kehebatan para pesilat negara-negara lain, terutamanya yang datang dari Indonesia dan Malaysia.

Jurulatih pasukan Singapura itu selanjutnya menerangkan lagi, harapan Malek untuk memungut pingat adalah cerah jika ditinjau dari persiapan

yang dilalui oleh pesilat itu.

Malek, pemenang pingat emas kejohanan undangan itu, juga merupakan juara nasional Kelas 'B' selepas mengatasi adiknyanya, Riduan yang juga merupakan anggota pasukan seni silat *Al-Haq*.

"Beliau telah menjalani latihan keras. Ini membayangkan kesungguhannya dan tentunya bukan beliau seorang malah setiap anggota pasukan Singapura telah berlatih keras bagi mencapai matlamat yang kami hajatkan," terangnya.

Bagi Riduan, 20 tahun, naib johan dalam kejohanan nasional bagi kelas 'B' tahun lalu, juga disifatkan oleh Khamin sebagai pesilat yang telah menunjukkan kemajuan pesat.

"Bagaimanapun, para pesilat kami tentu sedar bahawa bukanlah satu tugas yang mudah untuk mereka memungut kejayaan tanpa menghadapi rintangan," jelas beliau.

Namun demikian jurulatih yang akan menyambut hari lahirnya yang ke-42 pada hujung tahun ini berasa yakin, Badariah mempunyai peluang yang paling cerah antara rakan-rak-

annya yang lain untuk membawa pulang pingat emas.

Badariah yang baru melepasi usia 20 tahun pada Februari lalu bukan pesilat baru dalam Sukan SEA ini. Beliau adalah pemenang pingat perak Sukan SEA Jakarta dua tahun lalu.

Pada tahun yang sama Badariah, pesilat *Al-Haq* berkesempatan menguji keupayaannya di peringkat yang lebih tinggi apabila beliau diberi kepercayaan untuk mewakili Singapura ke Kejohanan Silat Dunia di Kuala Lumpur.

Badariah yang telah diberikan tentangan hebat dalam pertandingan akhir Sukan SEA 1987, kini lebih bersedia untuk mengharungi pertarungan yang akan dijalankan di gelanggang Institut Pengurusan Petronas

di Kajang.

Para pegawai dan jurulatih Singapura kini meletakkan segala harapan agar para pesilat mereka akan dapat memikul tugas-tugas mereka dengan sempurna nanti.

Kerana itu tidaklah keterlambatan apabila mereka menganjurkan majlis doa selamat bagi mengiringi perjuangan pesilat-pesilat itu, pada Khamis malam yang lalu.

Singapura berjaya merebut enam pingat — sebutir emas, dua perak dan tiga gangsa, dua tahun lalu dari Sukan SEA Jakarta.

Oleh itu, adalah menjadi suatu kenangan yang cukup manis jika matlamat yang diharapkan oleh mereka itu akan menjadi kenyataan.

Berita Minggu:

20 AUG 1989

Jaminan 22 AUG 1989 sifat acara di Manila

PRESIDEN Persekutuan Sukan SEA akan menggunakan pengaruhnya untuk memastikan agar silat terus dipertandingkan dalam Sukan SEA Manila dalam 1991.

Tan Sri Hamzah Abu Samah dari Malaysia memberikan jaminan itu apabila ditanya tentang nasib sukan ini memandangkan Filipina tidak mempunyai pasukan silat dan tidak menyertai acara ini sejak sukan di Jakarta. * *Ham*

"Silat boleh dipertandingkan asalkan terdapat tiga buah negara ingin mengambil bahagian," beliau menjelaskan.

Menurutnya, beliau akan menggunakan pengaruhnya untuk memastikan agar silat terus mendapat tempat dalam sukan ini dan juga sukan-sukan akan datang. * *Yusoff*

Selain Malaysia, silat disertai juga oleh negara-negara lain seperti Singapura, Indonesia dan Brunei. *Pencak/niuj*

Silat mula diperkenalkan dalam Sukan SEA Jakarta dan merupakan salah satu acara yang diperhatikan ramai.